

Memformulasikan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Ke Arah Kerjaya Usahawan

Armanurah Mohamad
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
Emel: armanurah@uum.edu.my

Nor Aishah Buang
Emel: chahbuang@yahoo.com

Muhammad Hussin
Emel: banting99@hotmail.com
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian-kajian telah menunjukkan terdapatnya perhubungan secara langsung di antara keusahawanan dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Negara yang mempunyai ramai usahawan adalah lebih maju ke hadapan dalam perkembangan ekonominya. Dalam hal ini institusi pendidikan, khasnya institusi pengajian tinggi (IPT) boleh menjadi laluan penting dalam memformulasikan pelajaranya ke arah kerjaya usahawan. Formulasi ini boleh dilaksanakan melalui program-program pendidikan keusahawanan yang bersesuaian. Kajian ini akan membincangkan sejauh manakah program pendidikan keusahawanan secara *hands-on* melalui Program Siswaniaga (PS), Universiti Utara Malaysia (UUM) ke arah melahirkan usahawan siswazah. Secara khususnya tiga objektif kepada kajian ini ialah i) melihat profil bekas peserta PS yang telah mengikuti PS ii) menilai pencapaian PS dari aspek jumlah bekas peserta PS yang menjadi usahawan selepas tamat pengajian, dan iii) meninjau bilakah bekas peserta PS yang menjadi usahawan sepenuh masa memulakan perniagaan selepas tamat pengajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada 171 bekas peserta PS yang telah tamat pengajian di peringkat sarjana muda dalam tempoh lima tahun selepas bergraduasi. Berdasarkan analisis deskriptif, dapatan utama kajian ini ialah lebih separuh bekas peserta PS telah menjadi usahawan dan hampir 20 peratus bekas peserta memulakan perniagaan sejurus selepas tamat pengajian. Golongan usahawan siswazah ini berpotensi untuk merangsang perkembangan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi di masa depan. Justeru itu, kajian ini mencadangkan pelajar IPT perlu didedahkan dan diberi peluang untuk menjadi usahawan kampus di mana mereka terlibat secara *hands-on* menjalankan perniagaan semasa mereka berada di universiti. Tindakan ini dapat meningkatkan peratusan golongan usahawan siswazah yang boleh membantu melonjakkan ekonomi negara dan sekaligus membantu mengurangkan pengangguran siswazah.

Kata kunci: pendidikan keusahawanan, usahawan siswazah.

ABSTRACT

Studies have shown that there is a direct relationship between entrepreneurship and economic development of a country. Any country with numerous entrepreneurs will advance in its economic development. In case of educational institutions, especially higher learning institutions (HLI) are able to become an important path in formulating its students toward an entrepreneurial career. This formulation can be implemented through various relevant entrepreneurship education programs. This study will discuss the extent of hands-on entrepreneurship education programs through Program Siswaniaga (PS), Universiti Utara Malaysia (UUM) in producing graduate entrepreneurs. In particular, the three objectives of this study are i) to see the profile of former PS participant who attended PS ii) to evaluate the performance of PS in terms of the number of former PS participant who have become entrepreneur after graduation, and iii) to explore when former PS participant have become full-time entrepreneur to start-up his business after graduation. This study uses a quantitative approach in which questionnaire survey as its instrument in collecting data. The sample consisted of

171 former PS participants who have graduated from the undergraduate program within the five years after graduation. Based on the descriptive analysis, the main findings of this study is that more than half of the former PS participants have become entrepreneurs and nearly 20 percent of former participants started up their business immediately after graduation. These graduates entrepreneurs have the potential to stimulate the development of the country towards a high-income economy in the future. This study suggests that university students should be exposed and given the opportunity to become campus entrepreneurs, where they involved in hands-on doing business while they are at university. This could increase the percentage of graduate entrepreneurs who can help jump start the economy and thereby help in reducing unemployment among graduates.

Keywords: entrepreneurship education, graduate entrepreneurs,

PENGENALAN

Keusahawanan berfungsi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara dan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk sesebuah negara. Penekanan kerajaan kepada bidang keusahawanan dapat dilihat dengan jelas apabila Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperkenalkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi. Dasar ini sebagai langkah menggalak dan memantapkan pembangunan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan. Usahawan siswazah yang dilahirkan boleh bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang 2020.

Kajian lepas menunjukkan bahawa usahawan boleh dilatih dengan pendidikan formal melalui program-program pendidikan keusahawanan. Ini bermakna usahawan tidak semestinya bersifat semulajadi dan diwarisi, ianya boleh diasuh dan dilahirkan (Frederick et al. 2013). Menurut Zaidatol Akmaliah & Habibah (1997) pendidikan keusahawanan memainkan peranan yang sangat penting untuk melahirkan usahawan-usahawan baru. Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi (IPT) boleh menjadi laluan penting dalam memformulasikan pelajarannya ke arah kerjaya usahawan. Formulasi ini boleh dilaksanakan melalui program pendidikan keusahawanan yang bersesuaian. Kertas kerja ini akan membincangkan sejauh manakah program pendidikan keusahawanan secara *hands-on* melalui Program Siswaniaga (PS), Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam melahirkan usahawan siswazah. Kertas kerja ini secara khususnya akan membincangkan tiga objektif kepada kajian ini iaitu i) melihat profil bekas peserta PS yang telah mengikuti PS ii) menilai pencapaian PS dari aspek jumlah bekas peserta PS yang menjadi usahawan selepas tamat pengajian, dan iii) meninjau bilakah bekas peserta PS yang menjadi usahawan sepenuh masa memulakan perniagaan selepas tamat pengajian.

LATAR BELAKANG PROGRAM SISWANIAGA UUM

PS ditafsirkan sebagai program perniagaan pelajar UUM yang menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dan keusahawanan yang dibenarkan oleh UUM. Melalui PS pelajar dibenarkan menjalankan perniagaan yang berdaftar secara sah di dalam kampus (Habshah et al. 1994; Lily Julienti et al. 2004; Armanurah et al. 2006).

PS pada mulanya dikenali dengan nama Program Keusahawanan Pelajar yang diperkenalkan pada tahun 1986. Pada 17 April 1988, Program Keusahawanan Pelajar ini ditukarkan nama kepada Program Siswaniaga (PS). Ia adalah antara program keusahawanan di UUM yang memberi tumpuan kepada para mahasiswa yang berminat di dalam bidang keusahawanan dan secara sukarela ingin melibatkan diri dalam perniagaan di dalam universiti.

Pentadbiran PS adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa PS (JPS) yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar). Manakala kuasa tertinggi dalam pengurusan PS ialah Naib Canselor. Untuk memastikan kelancaran pengendalian PS dalam kampus, Dasar dan Peraturan Siswaniaga diwujudkan yang dikenali sebagai Dasar PS Universiti Utara Malaysia. Sejak penubuhannya, pengurusan PS telah dikendalikan oleh beberapa pusat tanggungjawab. Pada tahun 2012 sehingga kini, PS adalah di bawah tanggungjawab Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), iaitu di Bahagian Pengurusan Perniagaan dan Siswaniaga.

Secara umumnya PS dibangunkan untuk meningkatkan bilangan usahawan di Malaysia dengan menanam nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar (Habshah et al., 1994). Manakala objektif khususnya pula adalah untuk (1) memberi latihan amali dan pengalaman kepada para pelajar dalam bidang perniagaan, (2) memupuk bakat keusahawanan kepada para pelajar, (3) melatih para

pelajar berdikari dan cekal dalam melaksanakan sesuatu usaha, dan (4) memantau dan melaksanakan aktiviti-aktiviti 'selepas jualan' untuk memastikan keberkesanan PS. Bidang perniagaan yang dijalankan oleh peserta PS adalah bergantung kepada kreativiti dan idea peserta. Walaubagaimanapun kelulusan mesti diperoleh terlebih dahulu daripada pihak Bahagian Pengurusan Perniagaan dan Siswaniaga bagi memastikan sesuatu perniagaan itu tidak bertentangan dengan peraturan-peraturan yang sedang dikuatkuasakan. Terdapat dua jenis program di bawah PS iaitu PS Berpremis dan PS Tanpa Premis. Bagi program berpremis, antara perniagaan yang dijalankan ialah komputer dan siber, perniagaan runcit dan alat tulis, kosmetik, cenderamata, pakaian, peralatan sukan, fotokopi, fotografi, majalah dan buku, muzik (kaset dan CD), makanan dan minuman, perniagaan francais, perkhidmatan tempahan pengangkutan dan perkhidmatan dobi. Manakala bagi PS Tanpa Premis, antara perniagaan yang dijalankan ialah agen jualan tiket bas, agen jualan barangan pengguna, penjualan komputer, cenderamata, produk kesihatan, insurans, telefon bimbit dan peralatan sukan.

Peserta PS yang mengikuti PS Berpremis perlu menandatangani perjanjian dengan pihak UUM selama setahun untuk menjalani perniagaan di premis lot perniagaan Siswaniaga. Kontrak untuk menjalankan perniagaan melalui PS boleh diperbaharui setiap tahun sehinggalah pelajar menamatkan pengajian di UUM. Untuk tujuan kajian ini pengkaji hanya akan memfokuskan kepada PS Berpremis sahaja

Bagi PS berpremis pihak UUM menyediakan persekitaran usaha teroka dalam bentuk kemudahan sokongan untuk membantu peserta menjalankan perniagaan di kampus. Ini termasuklah kemudahan latihan, kemudahan premis perniagaan, bantuan kewangan, kemudahan promosi serta kemudahan khidmat nasihat dan perundingan.

PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

Pendidikan keusahawanan merujuk kepada pendidikan yang menekankan kepada aspek kreativiti, inovasi dan pembangunan keterampilan individu sebagai usahawan yang merangkumi aspek pemikiran, sikap dan kemahiran keusahawanan (Kementerian Pengajian Tinggi 2010; Pyysiainen et al. (2006). Ianya juga adalah satu proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang segala kegiatan yang dilakukan oleh usahawan melalui pengajaran dan pembelajaran (Nor Aishah 2006) sama ada secara formal atau tidak formal. Tujuan pendidikan keusahawanan adalah untuk mengembangkan potensi pelajar ke arah yang lebih kreatif, berinisiatif dan bijaksana dalam membuat keputusan. Pendidikan keusahawanan juga mengajar seseorang itu supaya bersedia mengenal pasti peluang dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi, di samping bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian (Yap Poh Moi, 2002).

Kajian-kajian lepas mendapati graduan yang mendapat pendidikan keusahawanan semasa belajar di universiti lebih berminat untuk menerokai perniagaan (Kolvereid & Moen 1997; Charney & Libecap 2000). Dapatan kajian Charney & Libecap (2000) ke atas 'Berger Entrepreneurship Program' di The University of Arizona 1985-1999 melaporkan 27.2 peratus graduan jurusan keusahawanan memiliki perniagaan sendiri berbanding dengan 9 peratus sahaja graduan jurusan perniagaan lain yang memiliki perniagaan sendiri. Dapatan kajian ini juga telah membuktikan bahawa keusahawanan boleh dibentuk melalui pembelajaran dan latihan-latihan keusahawanan yang diperoleh secara formal (Frederick et al. 2013; Lily Julienti et al. 2004).

Begitu juga dengan kajian Menzies & Paradi (2002) yang bertajuk *Encouraging technology-based ventures: Entrepreneurship education and engineering graduates* melaporkan bahawa pengendalian pendidikan keusahawanan secara praktikal adalah antara kemungkinan sepertiga (34.1%) daripada siswazah memulakan perniagaan dalam tempoh dua tahun selepas menamatkan pengajian daripada universiti. Kajian mereka juga mendapati hampir separuh daripada graduan jurusan kejuruteraan yang mengambil kursus keusahawanan semasa pengajian ijazah pertama pernah memiliki perniagaan selepas tamat pengajian berbanding dengan graduan jurusan kejuruteraan yang tidak mengambil kursus keusahawanan. Pengendalian pendidikan keusahawanan secara praktikal ini adalah selari dengan metod pendidikan keusahawanan dalam PS di mana bekas peserta telah menjalankan perniagaan secara hands-on semasa penglibatan mereka di bawah PS.

Kebanyakan kajian-kajian tentang pendidikan keusahawanan di Malaysia pula mendapati peratusan yang agak rendah dalam kalangan graduan yang melibatkan diri sebagai usahawan kesan daripada pendidikan keusahawanan Nor Aishah (2013). Ini boleh dilihat dalam kajian Habshah et al. (2012) di mana hanya 13.1% dari 61 orang graduan sarjana muda keusahawanan memulakan perniagaan sendiri dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Manakala kajian oleh Afirudin dan Armanurah (2006) ke atas lulusan UUM yang pernah mengikuti Kursus Asas Keusahawanan

Siswa (KAKS) anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) secara intensif semasa pengajian di UUM pula mendapati hanya 9.8% sahaja daripada bekas peserta kursus ini yang menubuhkan perniagaan secara sepenuh masa walaupun mereka berpeluang untuk mendapat dana pinjaman daripada Skim Usahawan Siswazah (SUS), MeCD. Begitu juga dengan kajian Ibrahim Mamat et al. (2009) ke atas bekas peserta Pembangunan Usahawan Siswa (PPUS) di IPT mendapati hanya 2.3 peratus graduan memilih kerjaya usahawan

Menurut Mohd Salleh et al. (2005) masyarakat enterprais yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan boleh dilahirkan melalui pendidikan tinggi jika strategi yang bersesuaian digunakan. Pelajar universiti mempunyai potensi keusahawanan yang baik, cuma pihak universiti sahaja perlu mengenal pasti kaedah yang menyeluruh untuk membangunkan potensi tersebut. Justeru itu, IPT perlu memformulasikan program-program pendidikan keusahawanan secara terancang dan mantap untuk membangunkan kecenderungan, minat dan aspirasi kerjaya keusahawanan pelajar IPT dan merialisasikan aspirasi kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya pilihan mereka.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk meninjau demografi bekas peserta yang mengikuti PS serta menilai pencapaian produk PS dari aspek jumlah bekas pesertanya yang menjadi usahawan selepas tamat pengajian. Populasi kajian terdiri daripada bekas peserta PS yang telah tamat pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dari tahun 1992 hingga 2008 iaitu seramai 842 orang. Semasa pengajian bekas peserta PS telah menjalankan aktiviti perniagaan secara *hands-on* di lot premis PS UUM bagi sekurang-kurangnya satu semester dan tidak melebihi empat semester.

Memandangkan kutipan data dilakukan pada tahun 2009, pengkaji menggunakan senarai bekas peserta PS yang telah bergraduasi di peringkat ijazah sarjana muda dari tahun 2004 hingga 2008 sebagai kerangka sampel kajian. Jumlah bekas peserta dalam tempoh tersebut adalah seramai 267 orang. Tempoh lima tahun ini dipilih kerana mengikut Rudzi (2003) dalam tempoh lima tahun bekas peserta masih berkeupayaan untuk mengingat semula pengalaman yang mereka lalui semasa pengajian di universiti. Pengkaji telah mengedarkan 267 soal selidik secara pos dan mel elektronik. Sejumlah 173 responden telah memulangkan soal selidik. Daripada sejumlah ini, 171 responden telah memberi jawapan yang boleh digunakan untuk tujuan kajian.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasikan daripada pengkaji-pengkaji lepas (Mohd. Salleh 1992; Norasmah 2002; Charney & Lebercap 2000; Menzies & Paradi 2002) sebagai alat kajian untuk mengumpul data. Soal selidik ini berbentuk soalan tertutup yang mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan elemen demografi bekas peserta yang meliputi latar belakang diri dan keluarga, latar belakang pendidikan bekas peserta, dan latar belakang bekas peserta berkaitan PS. Bahagian kedua meliputi soalan mengenai penglibatan bekas peserta dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian. Semua data yang diperolehi melalui borang soal selidik dikod dan dianalisis secara statistik deskriptif yang terdiri daripada frekuensi dan peratusan.

DAPATAN

Latar Belakang Diri dan Keluarga

Jadual 1 menunjukkan komposisi latar belakang diri dan keluarga bekas peserta PS. Peratusan jantina bekas peserta hampir sama, iaitu 49.7 peratus adalah lelaki dan 50.3 peratus adalah perempuan. Majoriti bekas peserta adalah bumiputera iaitu 84 peratus, dan bukan bumiputera ialah 16 peratus. Dari segi kedudukan dalam keluarga, anak pertama, ialah 23.4 peratus. Manakala anak bongsu adalah 20.5 peratus, anak kedua dan ketiga masing-masing ialah 16.4 peratus dan anak keempat ke atas ialah 23.4 peratus. Majoriti bapa dan ibu bekas peserta berpendidikan sekolah menengah ke atas dengan 53.8 peratus dan 51.5 peratus masing-masing. Bapa dan ibu responden yang tidak mempunyai pendidikan formal/sekolah rendah ialah masing-masing 45 peratus dan 48.5 peratus. Pekerjaan utama bapa responden ialah makan gaji (42.1 %), diikuti oleh bekerja sendiri (40.4 %) dan lain-lain (17.5 %). Majoriti responden mempunyai ibu yang bekerja sebagai suri rumah (62 %), diikuti oleh makan gaji (22.2 %), bekerja sendiri (14 %) dan lain-lain (0.6 %).

Majoriti responden (69.6 %) mempunyai saudara-mara terdekat yang mengendalikan perniagaan sendiri. Bapa responden yang mengendalikan perniagaan sendiri ialah 37.4 peratus, diikuti oleh ibu 29.2 peratus dan datuk/nenek 22.2 peratus. Lebih separuh (54.4 %) daripada responden mempunyai sekurang-kurangnya seorang daripada keluarga terdekat (ibu/bapa/datuk/nenek) yang

berniaga. Lebih separuh (57.3%) daripada responden mempunyai rakan karib yang berniaga. Manakala lebih separuh daripada peserta juga mempunyai pengalaman keusahawanan sebagai jurujual (55 %) dan pernah bekerja dengan usahawan (50.1 %) sebelum menyertai PS. Manakala 38 peratus daripada responden pernah berniaga sendiri secara separuh masa atau sepenuh masa.

Latar Belakang Pendidikan

Jadual 2 menunjukkan komposisi latar belakang pendidikan bekas peserta PS yang merupakan sampel kajian. Bekas peserta PS yang paling ramai merupakan pelajar jurusan perdagangan/perakaunan (55%) semasa di sekolah menengah, diikuti oleh bekas peserta yang mempunyai latar belakang sains tulen (21.1 %), sastera (17.5 %), teknik dan vokasional serta lain-lain jurusan, masing-masing 2.3 peratus. Seramai 42.7% mempunyai latar belakang subjek perdagangan pelajari di sekolah menengah. Manakala responden yang mempunyai latar belakang subjek perakaunan pelajari di sekolah menengah adalah 57.3%. Lebih separuh, iaitu 69 peratus bekas peserta program adalah daripada jurusan perniagaan di peringkat ijazah sarjana muda. Manakala 28.7 peratus adalah daripada jurusan bukan perniagaan (28.7 %). Bekas peserta yang menamatkan pengajian dalam tempoh empat tahun di peringkat ijazah sarjana muda merupakan golongan paling ramai iaitu 54.4 peratus, diikuti dengan kurang daripada empat tahun (33.3%) dan lebih daripada empat tahun (12.3 %). Lebih separuh bekas peserta mempunyai gred purata markah kumulatif (PMK) 2.00 hingga 2.99, manakala 42.1 peratus lagi mempunyai PMK 3.00 ke atas. Kursus akademik berkaitan keusahawanan yang paling ramai diambil di UUM oleh bekas peserta program sebelum menyertai PS ialah Keusahawanan (35.1 %), diikuti oleh Asas Keusahawanan (30.4 %) dan Ko-kurikulum Keusahawanan (19.3 %). Lebih separuh daripada bekas peserta pernah menyertai aktiviti pembangunan keusahawanan di UUM sebelum menyertai PS.

Latar Belakang Bekas Peserta Berkaitan PS

Jadual 3 menunjukkan komposisi latar belakang bekas peserta berkaitan PS. Golongan bekas peserta yang mempunyai tempoh berniaga di bawah PS lebih daripada 2 tahun menunjukkan peratusan paling tinggi iaitu 36.3 peratus, diikuti bekas peserta yang berniaga 1 hingga 2 tahun (32.2 %) dan kurang daripada setahun (31 %). Dari segi bilangan latihan/kursus anjuran PS yang diikuti, 66 orang (38.6 %) mengikuti kurang daripada 4 latihan/kursus, diikuti oleh lebih daripada 6 latihan/kursus (30.4 %) dan 4 hingga 6 latihan/kursus (26.3 %).

Kerjaya Bekas Peserta PS

Jadual 4 menunjukkan lebih separuh daripada bekas peserta PS, iaitu 51.5 peratus telah melibatkan diri dalam perniagaan dalam tempoh antara sejurus selepas tamat pengajian daripada universiti sehingga 5 tahun selepas tamat pengajian. Daripada sejumlah ini 28.1 peratus melibatkan diri dalam perniagaan secara sepenuh masa dan mempunyai perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).. Manakala 7.6 peratus lagi bekerja dengan majikan serta melibatkan diri dalam perniagaan dan mempunyai perniagaan berdaftar. Sejumlah 15.8 peratus pula bekerja dengan majikan dan berniaga tetapi tidak berdaftar perniagaan. Manakala sejumlah 46.8 peratus bekas peserta bekerja dengan majikan secara sepenuh masa dan tidak menjalankan perniagaan.

Permulaan Perniagaan Bekas Peserta PS Yang Berniaga Sepenuh Masa Selepas Tamat Pengajian

Jadual 5 menunjukkan permulaan perniagaan bekas peserta PS yang melibatkan diri dalam perniagaan secara sepenuh masa selepas tamat pengajian, iaitu seramai 48 orang. Daripada sejumlah ini, 33 orang (19.3 peratus) bekas peserta telah memulakan perniagaan sejurus selepas tamat pengajian. Sejumlah 1.2 peratus masing-masing memulakan perniagaan kurang daripada setahun selepas tamat pengajian, 1 hingga 2 tahun selepas tamat pengajian serta lebih 2 hingga 3 tahun selepas tamat pengajian. Manakala 0.6 peratus masing-masing memulakan perniagaan lebih 3 hingga 4 tahun dan lebih 4 hingga 5 tahun selepas tamat pengajian. Terdapat 7 responden yang tidak menyatakan permulaan perniagaan mereka.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dapatan kajian ini j membuktikan bahawa keusahawanan boleh dibentuk melalui pembelajaran dan latihan-latihan keusahawanan yang diperoleh secara formal (Frederick et al. 2013; Lily Julienti et al.

2004). Kajian ini mendapati lebih separuh daripada bekas peserta PS, iaitu 51.5 peratus menjadi usahawan dalam tempoh 5 tahun selepas tamat pengajian. Daripada sejumlah ini 28.1 peratus bekas peserta PS menjadi usahawan secara sepenuh masa. Seramai 19.3 peratus memulakan perniagaan secara sepenuh masa seurus selepas tamat pengajian. Manakala 21.7 peratus memulakan perniagaan secara sepenuh masa dalam tempoh dua tahun selepas tamat pengajian. Dapatan ini menyokong kajian Kolvereid & Moen (1997) di mana graduan yang mendapat pendidikan keusahawanan semasa di universiti lebih berminat menerokai perniagaan. Begitu juga dengan dapatan Charney & Libecap (2000) yang melaporkan 27.2 peratus graduan jurusan keusahawanan memiliki perniagaan sendiri berbanding dengan 9 peratus graduan jurusan perniagaan lain yang memiliki perniagaan sendiri.

Dapatan ini juga selari dengankajian Menzies & Paradi (2002) di mana pengendalian pendidikan keusahawanan secara praktikal adalah antara kemungkinan sepertiga (34.1%) daripada siswazah memulakan perniagaan dalam tempoh dua tahun selepas menamatkan pengajian daripada universiti. Kajian mereka juga mendapati hampir separuh daripada graduan jurusan kejuruteraan yang mengambil kursus keusahawanan semasa pengajian ijazah pertama pernah memiliki perniagaan selepas tamat pengajian berbanding dengan graduan jurusan kejuruteraan yang tidak mengambil kursus keusahawanan.

Namun terdapat kajian-kajian ke atas program keusahawanan yang mendapati peratusan yang agak jauh berbeza dengan dapatan kajian bekas PS. Ini termasuklah kajian Habshah et al. (2012) di mana hanya 13.1% dari 61 orang graduan sarjana muda keusahawanan memulakan perniagaan sendiri dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Ketidaksielarian dengan dapatan kajian ini adalah kerana graduan sarjana muda keusahawanan mempunyai kurang pengalaman berniaga secara *hands-on* berbanding dengan graduan bekas peserta PS. Pengalaman menubuh dan menjalankan perniagaan secara *hands-on* tidak dimasukkan sebagai komponen wajib dalam program sarjana muda keusahawanan (Jabatan Keusahawanan, Universiti Utara Malaysia 2003). Manakala bagi PS, menjalankan perniagaan secara *hands-on* adalah komponen wajib dan utama program. Ketidaksielarian dengan dapatan ini juga terdapat dalam kajian oleh Afirudin dan Armanurah (2006) ke atas lulusan UUM yang pernah mengikuti KAKS, di mana hanya 9.8% sahaja daripada bekas peserta kursus ini yang menubuhkan perniagaan secara sepenuh masa. Peratusan yang rendah juga boleh dilihat dalam kajian Ibrahim Mamat et al. (2009) ke atas bekas peserta PPUS di IPT yang mendapati hanya 2.3 peratus graduan memilih kerjaya usahawan. Peratusan yang rendah dalam kerjaya keusahawanan hasil daripada program-program keusahawanan ini kemungkinan juga disebabkan oleh kurangnya penglibatan pelajar dalam perniagaan secara *hands-on*. Dapatan peratusan yang tinggi dalam kerjaya keusahawanan dalam kalangan siswazah kesan daripada PS, iaitu program pendidikan keusahawanan secara *hands-on* dalam kajian ini merupakan dapatan kajian yang paling penting dan membezakan kajian ini dengan kajian-kajian lain yang berkaitan program keusahawanan siswazah di Malaysia.

Dapatan ini membuktikan bahawa pendidikan keusahawanan yang menyediakan kurikulum latihan secara *hands-on* yang di bantu oleh , kemudahan sokongan seperti premis perniagaan, bantuan kewangan, khidmat nasihat perniagaan dan kemudahan promosi daripada pihak universiti telah berjaya membentuk semangat dan kemahuan berniaga dalam kalangan pelajar tidak kira dari latar belakang apa mereka datang. Dapatan ini juga selari dengan kenyataan Frederick et al. (2013) dan Mohd Salleh et al. (2005) yang menyatakan bahawa seseorang boleh dilatih untuk menjadi usahawan melalui pendekatan pendidikan keusahawanan yang bersesuaian

Secara rumusannya pendidikan keusahawanan yang melibatkan pengalaman pelajar berniaga secara *hands-on* semasa pengajian dengan bantuan kemudahan sokongan yang relevan daripada pihak universiti adalah satu formula penting dalam melahirkan siswazah yang berdikari untuk memula dan memajukan kerjaya mereka dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian. Justeru itu, pelajar IPT perlu didedahkan dan diberi peluang untuk menjadi usahawan kampus semasa mereka berada di universiti kerana tindakan ini dapat meningkatkan peratusan golongan usahawan siswazah yang boleh membantu melonjakkan ekonomi negara dan sekali gus membantu mengurangkan pengangguran siswazah.

RUJUKAN

- Armanurah Mohamad, Salmah Ishak & Norashidah Hashim. 2006. Perkembangan pendidikan keusahawanan dalam institusi pendidikan di Malaysia. Kertas kerja "The 2nd National Conference on Entrepreneurship and Small Business (NCESB 2006). Advancing Entrepreneurship and SMEs In the Growing Challenges of Globalization". Anjuran Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Institut Pembangunan Keusahawanan. Pulau Pinang, 9-10 Disember.

- Afiruddin Tapa & Armanurah Mohamad. 2006. Kajian pengesanan bekas peserta kursus Asas Keusahawanan Siswazah (KAKS): Kes UUM. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Industri Kecil dan Sederhana 2006*, hlm. 364-375.
- Charney, A. & Lebercap, G.D. 2000. The impact of entrepreneurship education: An evaluation of the Berger Entrepreneurship at the University of Arizona, 1985-1999. Laporan akhir projek penyelidikan The Kauffman Center for Entrepreneurship Leadership.
- Frederick, H. H, O'Connor, A.J. & Kuratko, D. F. 2013. *Entrepreneurship: Theory, Process and Practice*. Ed. ke-3 Asia-Pacific. Australia: Cengage Learning.
- Habshah Bakar, Fauziah Zainal Abidin & Asmah Laili Yeon. 1994. Student Entrepreneurship: The case of UUM. *Prosiding, 11th Annual Conference Euro-Asia Management Studies Association*.
- Habshah Bakar, Armanurah Mohamad, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat dan Syahrina Abdullah. 2012. Kajian Pengesanan Graduan Sarjana Muda Keusahawanan (SMK) 2012. Laporan Penyelidikan Geran LEADS. Kolej Perniagaan. Universiti Utara Malaysia.
- Ibrahim Mamat, Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang & Noorun Nashriah Binti Ramli. 2009. Nilai, sikap dan amalan pegawai kanan institut pengajian tinggi terhadap Program Pembangunan Usahawan Siswa. *Jurnal Kemanusiaan*. 14(12): 96-115.
- Jabatan Keusahawanan Universiti Utara Malaysia. 2003. Kertas kerja cadangan penawaran program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2010. Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi. Putrajaya.
- Kolvereid, L., & Moen, O. 1997. Entrepreneurship among business graduates: Does major in entrepreneurship make a difference? *Journal of European Industrial Training* 21(4): 154-160.
- Menzies, T.V. & Paradi, C. J. 2002. Encouraging Technology-Based Ventures: Entrepreneurship Education and Engineering Graduates. *New England Journal of Entrepreneurship* 5(2): 57-64.
- Mohd. Salleh Din. 1992. *Enterprise and Entrepreneurship Development in Higher Education in Malaysia*. Tesis Ph.D. England, University of Durham.
- Mohd. Salleh Hj Din, Hoe Chee Hee Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat, Shuhymee Ahmad Habshah Bakar, Norita Deraman, Rosli Mahmood, Armanurah Mohamad, Lily Julienti Abu Bakar & Muhammad Nasri Md. Hussain. 2005. *Asas Keusahawanan*. Australia: Thomson.
- Nor Aishah Buang. 2006. *Draf Pendidikan Keusahawanan*.
- Nor Aishah Buang. 2013. *Pendidikan Keusahawanan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmah Hj Othman & Halimah Harun. 2007. *Keusahawanan Remaja Sekolah*. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Lily Julienti Abu Bakar, Armanurah Mohamad & Abu Bakar Hamed. 2004. Personaliti Usahawan dan Kecenderungan Memulakan Perniagaan: Satu Kajian Eksploratori. *Proceedings Universiti Tenaga Nasional. International Business Management Conference. Managing Globalised Business: Trends, Issues and Challenges 6th & 7th December*. hlm.358-368.
- Pyysiainen, J., Anderson, A., McElwee, G., Vesala, K. 2006. Developing the entrepreneurial skills of farmers: some myths explored. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research* 12 (1): 21-39.
- Yap Poh Moi. 2002. Kesediaan guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. 1997. *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

JADUAL 1: Latar Belakang Diri Dan Keluarga Bekas Peserta PS

Faktor Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	85	49.7
	Perempuan	86	50.3
Bangsa	Bumiputera	144	84
	Bukan bumiputera	27	16
Kedudukan dalam keluarga	Anak pertama	40	23.4
	Anak bongsu	35	20.5
	Anak kedua	28	16.4
	Anak ketiga	28	16.4
	Anak keempat ke atas	40	23.4

Tahap pendidikan bapa	Tiada pendidikan formal /sekolah rendah	77	45.0
	Sekolah menengah ke atas	92	53.8
	Tidak Dinyatakan		1.2
Tahap pendidikan ibu	Tiada pendidikan formal/ Sekolah rendah	83	48.5
	Sekolah menengah ke atas	88	51.5
Pekerjaan utama bapa	Makan gaji	72	42.1
	Bekerja sendiri	69	40.4
	Lain-lain	30	17.5
Pekerjaan utama ibu	Makan gaji	38	22.2
	Bekerja sendiri	24	14.0
	Suri rumah	106	62.0
	Lain-lain	1	0.6
	Tidak dinyatakan	2	1.2
Latar belakang keluarga yang mengendali perniagaan sendiri	Ibu	50	29.2
	Bapa	64	37.4
	Datuk/nenek	38	22.2
	Saudara-mara terdekat (selain daripada di atas)	119	69.6
Latar belakang keluarga terdekat yang berniaga	Mempunyai sekurang-kurangnya seorang daripada keluarga terdekat berniaga (ibu/bapa/datuk/nenek)	93	54.4
	Tiada daripada keluarga terdekat berniaga	78	45.6
Latar belakang rakan karib yang berniaga	Mempunyai rakan karib yang berniaga	98	57.3
	Tiada	73	42.7
Pengalaman keusahawanan bekas peserta sebelum menyertai PS	Pengalaman menjalankan perniagaan sendiri secara separuh masa atau sepenuh masa	65	38
	Pengalaman menjadi jurujual	94	55
	Pengalaman bekerja dengan usahawan	87	50.9

JADUAL 2: Latar Belakang Pendidikan Bekas Peserta PS

Faktor Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jurusan pengajian sekolah menengah (SPM)	Sains tulen	36	21.1
	Teknik & vokasional	4	2.3
	Perdagangan/perakaunan	94	55
	Sastera	30	17.5
	Lain-lain	4	2.3
Mempunyai Latar belakang subjek perdagangan	Mempunyai latar belakang subjek perdagangan pelajari di sekolah menengah	73	42.7
	Tiada	98	57.3
Mempunyai Latar belakang subjek perakaunan	Mempunyai latar belakang subjek perakaunan pelajari di sekolah menengah	98	57.3
	Tiada	73	42.7
Jurusan pengajian di UUM (Ijazah sarjana muda)	Jurusan perniagaan	118	69.0
	Jurusan bukan perniagaan	49	28.7
	Tidak dinyatakan	4	2.3
Jangka masa pengajian di UUM	Kurang daripada 4 tahun	57	33.3
	4 tahun	93	54.4
	Lebih daripada 4 tahun	21	12.3
Purata markah kumulatif (PMK)	2.00 hingga 2.99	99	57.9
	3.00 ke atas	72	42.1

Kursus akademik berkaitan keusahawanan yang diambil di UUM sebelum menyertai PS	Keusahawanan		
	Asas Keusahawanan	60	35.1
	Ko-kurikulum Keusahawanan	52	30.4
		33	19.3
Aktiviti pembangunan keusahawanan yang dihadiri sebelum menyertai PS	Menghadiri aktiviti pembangunan keusahawanan sebelum menyertai PS	95	55.6
	Tidak	76	44.4

JADUAL 3:Latar Belakang Bekas Peserta Berkaitan PS

Faktor Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus
Tempoh berniaga di bawah PS	Kurang daripada setahun	53	31
	1 hingga 2 tahun	55	32.2
	lebih daripada 2 tahun	62	36.3
	Tidak dinyatakan	1	5.8
Bilangan latihan/kursus anjuran PS yang diikuti	Kurang daripada 4	66	38.6
	4 hingga 6	45	26.3
	Lebih daripada 6	52	30.4
	Tidak dinyatakan	8	4.7

JADUAL 4:Kerjaya Bekas Peserta PS

Kerjaya bekas peserta PS	Kekerapan	Peratus
Menjalankan perniagaan	88	51.5
Berniaga sepenuh masa (mendaftar perniagaan)	48	28.1
Bekerja dengan majikan dan berniaga (mendaftar perniagaan)	13	7.6
Bekerja dengan majikan dan berniaga (tidak mendaftar perniagaan)	27	15.8
Bekerja dengan majikan sepenuh masa	80	46.8
Sedang melanjutkan pelajaran	2	1.2
Tidak bekerja/suri rumah	1	0.6

JADUAL 5:Permulaan Perniagaan Bekas Peserta PS Yang Berniaga Sepenuh Masa Selepas Tamat Pengajian

Permulaan Perniagaan	Kekerapan	Peratus
Sejurus selepas tamat pengajian	33	19.3
Kurang daripada setahun selepas tamat pengajian	2	1.2
Satu hingga 2 tahun selepas tamat pengajian	2	1.2
Lebih 2 tahun hingga 3 tahun selepas tamat pengajian	2	1.2
Lebih 3 tahun hingga 4 tahun selepas tamat pengajian	1	0.6
Lebih 4 tahun hingga 5 tahun selepas tamat pengajian	1	0.6
Tidak dinyatakan	7	4.1